



## Pendidikan & Latihan



# Pendidikan prasekolah **terbaik**

■ **AeU tawar Diploma Siswazah Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak secara dalam talian**

**Oleh Rosyahaida Abdullah**  
rosyahaida@hmetro.com.my

Cukup menakutkan apabila hanya tiga peratus daripada kira-kira 40,000 guru prasekolah khususnya swasta di Malaysia ketika ini memiliki kelayakan perguruan taska dan tadika yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Angka itu secara tidak langsung memperlihatkan proses pembelajaran awal bagi sebahagian besar kanak-kanak di negara ini dilalui bersama pendidik tiada kelayakan dalam bidang berkenaan, sekali gus berupaya memberi kesan ke-

pada masa depan mereka. Asia e University (AeU) mengambil perhatian serius terhadap isu itu, lantaran mewujudkan program Diploma Siswazah Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang menyoal golongan bekerja khususnya guru prasekolah untuk meningkatkan keparan dan kelayakan masing-masing.


Menurut Dekan Sekolah Pendidikan dan Sains Kognitif (SECS) Asia e University (AeU) Profesor Dr John Arul Phillips (**gambar**), program berkenaan cukup unik de-

ngan menerapkan modul pengajaran dan pembelajaran dua tahun pertama program sarjana muda bagi pengkhususan sama.

Katanya, dengan hanya berebekalkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan dua tahun pengalaman guru prasekolah, calon layak menyertai program dua tahun di AeU secara dalam talian dengan minimum 10 jam mengikuti kuliah di pusat pembelajaran.

"Ini bukan program diploma biasa, sebaliknya hampir menyamai taraf sarjana

**FAKTA**  
Terap modul pengajaran dan pembelajaran dua tahun pertama program sarjana muda



muda disebabkan modul pengajiannya mengikut sukatan dua tahun pertama sarjana muda dalam pendidikan awal kanak-kanak. Kita tu-

jukan program ini khas kepada guru prasekolah yang sedang berkhidmat.

"Mungkin segelintir individu keliru dengan diploma ini dan menyangka ia ditawarkan kepada lepasan ijazah sedangkan ia ditujukan khas kepada lulusan SPM yang sedang berkhidmat sebagai guru prasekolah sekurang-kurangnya dua tahun.

"Program ini hampir menyamai taraf sarjana muda disebabkan modul pengajiannya mengikut sukatan dua tahun pertama sarjana muda dalam pendidikan awal kanak-kanak. Tahapnya pasti lebih tinggi daripada program diploma

biasa," katanya. Dr John berkata, seperti mana semua program pendidikan disediakan di AeU, diploma siswazah itu tidak memerlukan penuntut meninggalkan kerja masing-masing, apatah lagi kuliah selama 10 jam itu dikendalikan hujung minggu, sekali dalam sebulan.

Menjadi universiti pertama menawarkan program Diploma Siswazah Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak, John menyifatkan kelebihan pembelajaran secara dalam talian memberi fleksibiliti kepada penuntut untuk mengakses bahan rujukan sebagai nilai tambah kepada sesi pengajian di AeU.